

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP2)
KAJIAN KES BEHAVIOURAL INSIGHTS BAGI TAHUN 2021

Tarikh : 19 Mac 2021 (Jumaat)
Masa : 2.30 ptg
Tempat : Teams (Online)
Pengerusi : Pn. Rosmiza Rosly (Pengerusi)
Kehadiran : Pn. Nor Akma Che Wan Naman (JPP Ahli)
En. Aiman Zakwan Zahari (JPP Ahli)
Pn. Nor Izzati Norhisam (Ahli PCT)
Pn. Norliza Ahmad (Ahli PCT)
En. Mohamad Muzaffar Abdul Hamid
En Edward Binty
Cik Khalidatul Asrin Abdul Aziz
En. Jerry Shahnizal Ab Aziz
Pn. Nuraizah Harun
Pn. Nurul Farahaton Najihan Jusoh
Cik Nurrul Nur Aisyah Hamran
Cik Nurul Nadia Abdul Patah
Pn. Shanthini Tamadoram

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP).
- 1.2 Pengerusi memaklumkan objektif mesyuarat JPP2 ini diadakan untuk menyemak dan menilai kertas cadangan proposal kajian kes *Behavioural Insights* dengan lebih mendalam dan melihat pada perincian kos oleh pakar perunding untuk pelaksanaan projek Kajian Kes BI tahun 2021.
- 1.3 Semakan dan penilaian oleh ahli JPP adalah bagi memastikan kertas cadangan proposal kajian kes dan perincian kos yang dikemukakan memenuhi kehendak Terma Rujukan atau *Terms of Reference* (TOR) projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) (PK3.2) oleh Perbendaharaan Malaysia.

- 1.4 Projek kajian kes ini melibatkan dua kajian iaitu kes kajian DSTIN dan kes kajian e-Payment.
- 1.5 Pengerusi meminta sekretariat untuk menambahbaik kertas cadangan proposal kajian kes supaya lebih jelas.
- 1.6 Pengerusi juga meminta sekretariat melampirkan Salinan Surat Kastam SST dan kos perincian tidak perlu disertakan dengan jumlah peratusan SST (**Lampiran C**) bagi kedua dua kajian kes.
- 1.7 Jumlah kos bagi setiap kes kajian telah disetujui oleh Ahli JPP. Penetapan kos perkhidmatan perunding bagi kajian ini menggunakan kaedah penetapan kos perkhidmatan perunding seperti di Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.2 – Kos Perkhidmatan Perunding. Kos projek yang disalurkan adalah muktamad. Sebarang penambahan kos tidak akan ditanggung oleh MPC.
- 1.8 Mesyuarat bersetuju dengan kos yang dicadangkan oleh kedua-dua pembekal dan sehubungan itu, bersetuju supaya tiada keperluan untuk menjalankan Mesyuarat Rundingan Harga bagi kedua-dua kajian kes.

Makluman

2. MESYUARAT MEMBINCANGKAN DAN BERSETUJU:

- 2.1 Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini kajian skop (kualitatif dan kuantitatif) kes kajian dengan menyatakan dengan jelas kumpulan sasaran responden (targeted audience) dan lokasi kajian yang bakal dijalankan di dalam skop kajian. Ataupun sekurang-kurangnya menyatakan cadangan sasaran responded dan lokasi kajian yang berkemungkinan dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan dan MAMPU bagi kes kajian e-Payment.
- 2.2 Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini kertas cadangan proposal kajian kes dengan informasi tempoh kajian dan jumlah tahun pengalaman perunding di dalam Lampiran C bagi kes kajian DSTIN.
- 2.3 Pengeluaran kajian kes (deliverables) adalah Satu (1) naskah Laporan Akhir Projek yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris

Tindakan: Sekretariat

3. **PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat di atas kerjasama yang telah diberikan dan menangguhkan mesyuarat pada jam 4.00 petang.

Disediakan oleh:



Shanthini Tamadoram
Sekretariat JPP
Tarikh: 19 Mac 2021

Diluluskan oleh:



Rosmiza Rosly
Pengerusi JPP
Tarikh: 19 Mac 2021

MAKLUMBALAS MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP2)


Tarikh : 19 Mac 2021 (Jumaat)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Teams (Online)

No.	Perkara	Maklumbalas
2.1	Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini kajian skop (kualitatif dan kuantitatif) kes kajian dengan menyatakan dengan jelas kumpulan sasaran responden (targeted audience) dan lokasi kajian yang bakal dijalankan di dalam skop kajian. Ataupun sekurang-kurangnya menyatakan cadangan sasaran responden dan lokasi kajian yang berkemungkinan dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan dan MAMPU bagi kes kajian e-Payment.	Maklumbalas telah dikemaskini dalam Terma Rujukan.
2.2	Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini kertas cadangan proposal kajian kes dengan informasi tempoh kajian dan jumlah tahun pengalaman perunding di dalam Lampiran C bagi kes kajian DSTIN.	Maklumbalas telah dikemaskini dalam Terma Rujukan.
2.3.	Pengeluaran kajian kes (deliverables) adalah Satu (1) naskah Laporan Akhir Projek yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.	Maklumbalas telah dikemaskini dalam Terma Rujukan.

SENARAI KEHADIRAN**JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)**

Bil. Kertas: _____
(Untuk diisi oleh Urusetia
PCT)

Tarikh : 19 Mac 2021 (Jumaat)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Teams (Online)
Tajuk Kertas : Projek Kajian Kes *Behavioural Insights* bagi Team 2 tahun 2021

Bil.	Nama	Tandatangan
1.	Pn. Rosmiza Rosly	
2.	Pn. Nor Izzati Norhisam (JPP Ahli)	
3.	En. Aiman Zakwan Zahari (JPP Ahli)	
4.	Pn. Nor Akma Che Wan Naman	
5.	En. Mohamad Muzaffar Abdul Hamid	
6.	Pn. Norliza Ahmad	
7.	En Edward Binty	
8.	Cik Khalidatul Asrin Abdul Aziz	
9.	En. Jerry Shahnizal Ab Aziz	
10.	Pn. Nuraizah Harun	
11.	Pn. Nurul Farahaton Najihan Jusoh	
12.	Cik Nurrul Nur Aisyah Hamran	
13.	Cik Nurul Nadia Abdul Patah	
14.	Pn. Shanthini Tamadoram	

*Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 684);*
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;*
- iii. Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan*
- iv. Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan ini, kami boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.*